

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bantuan yang diberikan Kementerian bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda tani serta program bimbingan yang dilaksanakan agar mereka berjaya di dalam bidang pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited dalam membantu golongan muda bagi menceburi bidang pertanian. Penglibatan golongan muda dalam menerajui sektor agromakanan dan pertanian merupakan langkah terbaik untuk memacu sektor ini agar lebih maju dan berdaya saing. Hal ini kerana kekuatan fizikal golongan muda dan kemampuan mereka untuk menguasai teknologi baharu adalah aset berharga kepada Negara. Justeru, Kementerian (MAFI) telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda untuk membimbing dan membantu golongan muda ini tidak kira sama ada daripada sudut kewangan, khidmat perundingan, sokongan ataupun latihan teknikal.

Bagi memperkenalkan usahawan agropreneur muda kepada teknologi-teknologi terkini, latihan teknikal yang interaktif perlu disediakan. MAFI telah menyediakan peruntukan melebihi RM800 ribu bagi setiap tahun untuk melatih golongan muda menceburi bidang pertanian. Peruntukan ini disalurkan kepada Jabatan / Agensi di bawahnya mengikut kepada peranan dan kepakaran Jabatan / Agensi tersebut untuk melaksanakan latihan teknikal kepada golongan muda. Sebagai contoh adalah program AGORA yang dilaksanakan oleh MARDI. Ia merupakan program latihan *Flagship* Program Agropreneur Muda MARDI yang dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara bermula pada tahun 2016. AGORA memberikan pendedahan dan latihan dalam konsep asas perniagaan dan keusahawanan secara interaktif. Ia termasuk melatih agropreneur muda untuk menggunakan teknik Design Thinking, Business Model Canvas, pengurusan kewangan, pemasaran online dan digital serta menyediakan peluang membina jaringan pemasaran antara usahawan baru dan lama. Selain itu, program latihan ini juga memberikan latihan asas kepada usahawan belia dalam aspek teknikal di dalam ketiga-tiga kelas terutama iaitu produk makanan dan kesihatan berasaskan pertanian (IAT), tanaman dan ternakan. Ini adalah berpandukan hasil penyelidikan dan pengetahuan teknikal penyelidik-penyelidik MARDI. Dengan latihan-latihan teknikal yang disediakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah MAFI seperti ini, para agropreneur muda

SOALAN NO : 15

ini akan mendapat ilmu yang betul bagi menceburi bidang agromakanan dan pertanian ini.

Antara inisiatif-inisiatif lain MAFI dalam memberi bantuan kepada agropreneur muda adalah seperti menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM20,000, menyediakan Pakej Pembiayaan Agropreneur Muda melalui Tekun Nasional sehingga RM50,000 dan Agrobank sehingga RM200,000. Sepanjang RMKe-11 (2016-2020), seramai 6,908 usahawan Agropreneur Muda bimbingan Jabatan dan Agensi di bawah MAFI telah diberikan geran tersebut yang melibatkan peruntukan sejumlah RM121,967,688. Sebagai makluman, pihak MAFI juga telah mengeluarkan buku Inspirasi Agropreneur Muda pada tahun 2021 bagi menceritakan mengenai perubahan-perubahan positif yang telah berlaku kepada 197 usahawan yang telah menerima bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) bermula tahun 2016 sehingga kini. Ini merupakan salah satu bukti kejayaan Program Agropreneur Muda yang telah dilaksanakan sepanjang RMKe11.

Diharapkan inisiatif dan insentif yang disediakan oleh MAFI ini akan dapat dimanfaatkan oleh golongan muda dalam membina Negara dan bangsa yang berkualiti dan berjaya.

Sekian, terima kasih.